

# Kaki judi daun pakau ditemui mati dalam sungai

ALOR SETAR – Tindakan seorang kaki judi daun pakau yang melarikan diri dan terjun ke dalam Sungai Ampang Jajar ketika diserbu polis berakhir dengan tragedi apabila dia ditemui mati lemas di sungai tersebut di sini semalam.

Dalam serbuan pukul 7 malam itu, mangsa yang berusia 45 tahun bersama lima lelaki lain berusia antara 70 hingga 47 tahun sedang berkumpul di sebuah pondok disyaki sedang berjudi daun pakau.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kota Setar, Superintendan Yazri Ismail berkata, keenam-enam lelaki berkenaan melarikan diri apabila menyedari kehadiran sepasukan anggota polis daripada Bahagian Siasatan Jenayah Cawangan Kongsi Gelap, Maksiat dan Perjudian (D7) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar.

"Kumpulan lelaki berkenaan terus bertem-

piaran lari untuk menyelamatkan diri namun salah seorang daripada mereka telah tersangkut di kawasan berlumpur dalam sungai berkenaan.

"Polis telah menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Hospital Sultanah Bahiyah untuk tindakan menyelamat," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Yazri, lelaki berkenaan disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan bertugas dan mangsa dibawa ke Hospital Sultanah Bahiyah di sini untuk dibedah siasat.

"Bagaimanapun, lima lelaki yang lain berjaya ditangkap dalam serbuan itu," katanya.

Ini merupakan kes kedua kaki judi lemas di Kedah selepas lima orang lelaki turut ditemui terapung di Sungai Muda dekat Baling pada Ahad lalu. Mereka yang leka menyalung ayam dipercayai melarikan diri ketika diserbu polis.



KEADAAN mayat seorang lelaki dipercayai kaki judi pakau yang ditemui mati lemas di Sungai Ampang Jajar, Alor Setar semalam.

Lagi empat mangsa lemas ditemui selepas dihanyutkan kepala di Sungai Gasi

# Mayat hanyut sampai 24 kilometer

Oleh AFIO AL-HAFIZ MAT YUSOF

**SUNGAI BULOH** – Mayat empat lagi kaki pancing termasuk dua wanita yang dihanyutkan 'kepala air' ketika memancing di Sungai Gasi, di sini kelmarin berjaya ditemui secara berperingkat - sejak awal pagi semalam.

Ia menjadikan jumlah mangsa yang terkorban dalam tragedi menyayat hati itu ialah seramai lima orang selepas mayat pertama, Hashir, 38, seorang warga Indonesia ditemui pukul 9.51 malam kelmarin.

Dalam operasi hari kedua semalam, pasukan mencari dan menyelamat kemudian berjaya menjumpai mayat kedua, Jamaluddin Rapawi, 14, kira-kira 9.8 kilometer (km) dari lokasi kejadian pada pukul 1.26 pagi.

Ketua Polis Daerah Sungai Buloh, Superintenden S. Somu berkata, bagaimanapun mayat ketiga, seorang wanita, Silawati Zailan, 31, hanya dijumpai hampir 11 jam kemudi-

an iaitu pada kedudukan 10.6km dari lokasi kejadian.

"Kerja-kerja pencarian selesai dalam tempoh kurang 24 jam apabila mangsa keempat, Jaleha Hashim, 48, dan kelima, Rapawi Jum'ada, 37, masing-masing ditemui pada pukul 3.45 petang dan 4.45 petang tadi (semalam).

"Mayat Jaleha ditemui terperangkap pada kawasan semak di Desa Coalfield di sini iaitu 19km dari lokasi kejadian.

"Mayat Rapawi pula ditemui terapung berdekatan Jambatan Puncak Alam, Kuala Selangor kira-kira 24km dari lokasi dia dilaporkan dihanyutkan arus deras," katanya di sini semalam.

Mayat kesemua mangsa dihantar ke Hospital Sungai Buloh untuk bedah siasat sebelum dituntut keluarga.

Sementara itu, Ketua Jabatan Bomba dan Penyelamat Shah Alam, Yusri Basri



JALEHA



SILAWATI



KERATAN Kosmo! semalam.

pula memberitahu, mayat kesemua mangsa dijumpai dalam keadaan baik dan sempurna.

Selain anggota polis dan bomba, operasi mencari dan menyelamat itu turut disertai anggota Pertahanan Awam Malaysia, Majlis Bandaraya Shah Alam, Jabatan Suka-relawan Malaysia dan Unit Pengurusan Bencana.

Kosmo! semalam melaporkan seorang kaki pancing ketika memancing di Sungai Gasi berhampiran Kem Paya Jaras di sini kira-kira pukul 5 petang kelmarin.

## INFO Senarai mangsa lemas di Sungai Gasi

- Hashir, 38
- Jamaluddin Rapawi, 14
- Silawati Zailan, 31
- Jaleha Hashim, 48
- Rapawi Jum'ada, 37

## Ibu kerap keluar memancing akhir-akhir ini

**SUNGAI BULOH** – Anak kepada salah seorang mangsa lemas akibat kepala air, Jaleha Hashim, 48, memberitahu ibunya kerap keluar memancing sejak akhir-akhir ini.

Bagaimana kata, Badrul Baharin Syamsul Azhar, 21, (gambar) ahli keluarga mereka tidaklah mengesyaki apa-apa kejadian buruk kerana ibu memancing seorang yang minat mengail ikan.

"Ahad lepas merupakan kali terakhir saya berjumpa dengan ibu, itu pun sekali imbas kerana dia berada di dalam kereta," katanya yang ditemui di lokasi kejadian.

Difahamkan ketika kejadian, Jaleha memancing bersama suaminya, Syamsul Azhar Maula Ismail, 33, namun suaminya berjaya menyelamatkan diri sementara mangsa dibawa arus deras Sungai Gasi.

Sementara itu, adik mangsa, Yati Hashim berkata, dia mendapat tahu mengenai kejadian menimpa kakaknya kira-kira pukul 9 malam kelmarin.

"Sebaik sahaja mendapat maklumat mengenai kakak, saya terus ke sini bersama tiga anaknya dari Ulu Kelang," katanya.

Mayat Jaleha ditemui kira-kira pukul 3.45 petang semalam di kawasan semak di Desa Coalfield di sini iaitu 19 kilometer dari lokasi kejadian.



YUSRI



PASUKAN penyelamat mengangkat mayat mangsa lemas terakhir, Rapawi yang dijumpai berdekatan Jambatan Puncak Alam, Kuala Selangor semalam.



MAYAT Silawati dijumpai pukul 12.30 tengah hari semalam kira-kira 10.6km dari lokasi kejadian kaki pancing dibadai kepala air di Sungai Buloh.